



Headline: Pemandu ambulans diperdaya scammer, rugi RM21,178  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 18 July 2022

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 14

## Pemandu ambulans diperdaya scammer, rugi RM21,178

**TELUK INTAN** – Hanya kerana takut ditangkap kononnya terlibat dalam aktiviti penggubahan wang haram, seorang pemandu ambulans mengalami kerugian RM21,178 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan *Macau Scam* baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Ahmad Adnan Basri berkata, kejadian berlaku selepas mangsa berusia 36 tahun itu dihubungi seorang lelaki tidak dikenali bulan lalu yang mendakwa dia mempunyai tunggakan cukai.

Katanya, mangsa telah menafikan semua dakwaan lelaki berkenaan, namun suspek kemudian meminta lelaki itu membuat laporan polis dengan panggilan

telefon berkenaan disambung ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan.

"Menerusi panggilan itu, seorang lagi suspek memaklumkan bahawa mangsa terlibat dalam penggubahan wang haram dan tindakan mahkamah akan diambil kerana waran tangkap dikeluarkan atas namanya.

"Disebabkan bimbang dan takut berdepan hukuman, mangsa bersetuju untuk menyelesaikan kes berkenaan dengan membuat pembayaran kepada pihak terbabit," katanya di sini semalam.

Tambah beliau, mangsa telah diarah membuat beberapa kali transaksi ke akaun berbeza yang diberikan oleh suspek.

Menurut beliau, pengadu ha-

nya menyedari ditipu sindiket berkenaan ketika pergi ke sebuah bank bagi membuat kad pengeluaran wang automatik (ATM) yang baharu.

"Mangsa telah memaklumkan kepada pihak bank tujuan kad itu dibuat kerana mahu menyelesaikan kes yang dihadapinya. Bagaimanapun, pihak bank memaklumkan yang dia telah ditipu oleh pihak sindiket.

"Mangsa kemudian tampil membuat laporan polis kelmarin di Balai Polis Teluk Intan kerana merasakan telah ditipu. Jumlah kerugian adalah RM21,178," katanya.

Tambah beliau, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.



**MANGSA** dihubungi sindiket penipuan sebelum dimaklumkan dia terlibat dalam aktiviti penggubahan wang haram.